

KLASIFIKASI GENERASI DI MALAYSIA

Hairol Anuar Hj Mak Din PhD¹
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Secara generalisasi kumpulan generasi yang wujud di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan; iaitu generasi merdeka, generasi DEB dan generasi wawasan. Pengklasifikasian generasi dalam makalah ini adalah bersandarkan peristiwa penting yang terkandung dalam kronologi sejarah pembangunan negara. Klasifikasi generasi berdasarkan tema biasa diguna pakai dalam bidang sains sosial, malahan praktik penggunaannya adalah bersesuaian serta bertepatan terutama dalam mengkaji sistem sosial masyarakat. Justeru pendekatan makalah ini dengan mengangkat tema tempatan melalui kaedah perkiraan peristiwa sejarah sosial bagi tujuan untuk mengklasifikasikan generasi yang sedia wujud di Malaysia.

Kata Kunci: *Generasi, Sejarah, Kumpulan*

1.0 PENGENALAN

Dunia akademis dalam pelbagai bidang sentiasa mengisbatkan sempadan waktu sebagai garis pemisah antara permulaan dan pengakhiran sesuatu zaman. Istima pembahagian sebegini terzahir melalui pemisahan di antara; tahun Hijrah dengan sebelum Hijrah dan tahun Masihi dengan sebelum Masihi.

Selain itu, pengelasan melalui zaman juga adalah biasa, sebagaimana pengelasan Zaman Jahiliah dengan Zaman Islam, pengelasan Zaman Paleolitik, Zaman Mesolitik, Zaman Neolitik, dan Zaman Logam, pengelasan Zaman Kegelapan (*the dark age*), Zaman Kelahiran Semula (*Renaissance*), dan Zaman Pencerahan (*Enlightenment*), pengelasan Zaman Sebelum Merdeka dengan Zaman Selepas Merdeka, pengelasan Zaman Sebelum Perang Dunia Kedua dengan Zaman Pasca Perang Dunia Kedua, dan sebagainya.

Signifikan terhadap pengelasan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti secara tepat citra yang terdapat dalam kehidupan manusia secara mikro dan dan sistem kehidupan bermasyarakat secara makro. Hal ini kerana selagi dunia belum kiamat dan manusia silih berganti maka kajian tentang rantaian kehidupan yang menghuni planet bumi ini adalah begitu relevan. Namun yang demikian, pengklasifikasian sebegini haruslah bersesuaian dengan latar demografi dan geografinya.

2.0 PENGELASAN GENERASI

Kelazimannya Kelas menurut takrifan Kamus Dewan (2005) yang bersesuaian dengan artikel ini adalah membawa pengertian golongan atau kumpulan dalam masyarakat yang berbeza antara satu sama lain atas ciri-ciri tertentu seperti taraf hidup, kedudukan sosial dan golongan ataupun kumpulan yang berdasarkan persamaan pelbagai sifat tertentu.

¹ Pensyarah Kanan Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan

Manakala definisi generasi pula adalah kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama.

Sehubungan itu, istilah yang acapkali dipraktikkan menurut Kamus Dewan (2005) dalam 'pengelasan generasi' yang menjadi parameter kajian adalah melalui penggunaan perkataan pra yakni '*awalan asing sebelum*' dan penggunaan perkataan pasca yakni '*awalan asing sesudah*'.

Pengaplikasian penggunaan perkataan sebegini adalah bertujuan bagi memudahkan perkiraan dalam kalangan ahli akademik untuk membuat kajian secara kualitatif mahupun kuantitatif terhadap perbezaan, ataupun persamaan, dan seterusnya membuat perbandingan menurut skema penyelidikan.

Di samping itu juga, melalui teknik pengelasan yang dipraktikkan menurut skop kajian ini turut berupaya untuk khalayak bagi membuat ramalan semasa ataupun akan datang terhadap persoalan berkaitan kehidupan manusia secara mikro dan masyarakat umum secara makro.

Oleh yang demikian, hasil daripada siri kajian yang acapkali dilakukan adalah bersandarkan takrifan serta batasan kajian oleh para sarjana maka lahirlah beraneka jenis generasi yang dinisbahkan kepada sempadan waktu tertentu atau peristiwa tertentu yang sebagaimana tercatat dalam skema penyelidikan yang ditentukan.

3.0 PENDEKATAN PERISTIWA SEJARAH SOSIAL

60 tahun usia kemerdekaan, negara ini telah menempuh pelbagai peristiwa sejarah dan melahirkan saban generasi yang menghuninya. Berbanding negara lain, evolusi perkembangan di Malaysia berterusan menjadi tumpuan kajian kerana keunikannya yang pelbagai.

Setelah 445 tahun dijajah oleh beraneka bangsa penjajah (Hairol Anuar, 2010), kelahiran negara ini telah melakarkan beberapa siri peristiwa yang penting ditambah dengan kerencaman masyarakat yang menghuninya. Hal-hal sebegini tercatat kemas dalam pembangunan sejarah sosial di Malaysia.

Walau bagaimanapun, seiring dengan realiti semasa kini telah memperakukan bahawa senario dunia pada masa sekarang adalah impak terhadap pengaruh digital yang pesat berevolusi di seluruh dunia. Senario ini telah menjadikan generasi kini bergerak seiring dengan perubahan zaman tanpa limitasi dan berbentuk infiniti.

Sememangnya kehidupan manusia kini telah banyak berubah dari sebuah masyarakat yang ringkas dan kecil kepada sebuah masyarakat yang kompleks dan besar. Peter Drucker (1985) mendedahkan bahawa masyarakat manusia telah melalui tiga zaman revolusi yang utama, iaitu; revolusi perindustrian, revolusi pengurusan, dan revolusi maklumat.

Kelahiran beraneka revolusi ini menyebabkan masyarakat berubah dengan lebih pantas dari satu keadaan kepada keadaan yang lebih canggih dari segi ekonomi, politik, sosial, dan teknologi. Hal yang sama terjadi di Malaysia, seiring dengan perubahan sistem kemasyarakatan ini mengundang sama pakej kemanusiaan yang diklasifikasikan melalui kapsul-kapsul generasi yang berbeza.

4.0 KLASIFIKASI GENERASI SECARA LAZIM

Don Tapscott (1999) di dalam kajiannya yang terkandung dalam buku; *'Growing Up Digital: The Rise of the Net Generation'*, Sarjana ini telah memperkenalkan tiga bentuk generasi yang amat popular penggunaannya pada masa ini, iaitu; Generasi X, Generasi Y, dan Generasi Z.

Pengklasifikasian generasi menurut perspektif Tapscott (1999) adalah bersandarkan revolusi teknologi maklumat yang sememangnya telah melatari zaman ketika ini. Berikut merupakan pengelasan generasi dan tahun kelahiran yang menjadi bingkai kajiannya;

1. 'Generasi X' lahir di antara tahun 1965 sehingga tahun 1976
2. 'Generasi Y' lahir di antara tahun 1977 sehingga tahun 1997
3. 'Generasi Z' lahir selepas tahun 1998

Kesemua generasi yang diketengahkan ini mempunyai latar dan citra kehidupan yang unik lagi tersendiri serta berbeza malahan jua berlawanan di antara satu sama lain. Apa yang pasti ketiga-tiga jenis generasi ini turut berbeza dengan generasi sebelumnya.

Di Barat sebelum kewujudan generasi X, kelompok demografi generasi terdahulu dikategorikan berdasarkan kayu ukur Zaman Perang Dunia Kedua. Sebagai contoh, generasi *Baby-Boomer* dan *Pre Baby-Boomer* yang lahir setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua. Oleh yang demikian, pengelasan terhadap generasi ini adalah sesuatu yang lumrah.

Walaupun penggunaan generasi X,Y dan Z menjadi rujukan yang acap kali dipraktikkan dalam pelbagai medium, namun sisi tinjauan lepas memperlihatkan terdapat juga dua pengelasan generasi yang turut diaplikasikan penggunaannya di Malaysia, iaitu:

1. Kajian Kamaruddin M.Said (2012), beliau telah membahagikan generasi di Malaysia pada abad ke-20 kepada tiga jenis generasi, iaitu; 1) Generasi era nasionalisme, 2) Generasi merdeka dan generasi DEB, dan 3) Generasi pasca DEB.

Hasil pengamatannya menunjukkan ketiga-tiga jenis generasi ini mempunyai nilai yang berbeza di antara satu sama lain. Walau begitu, tempoh tahun kelahiran dalam penentuan generasi tidak pula diketengahkan. Label generasi sebegini, kebarangkalian adalah atas dasar kefahaman umum tentang peristiwa nasionalisme, merdeka dan DEB.

2. Tulisan Zin Mahmud (Mingguan Malaysia, 20 Januari 2013) pula mengetengahkan konsep generasi pertama dan generasi kedua. Menurut beliau generasi pertama merujuk kepada mereka yang merupakan rakyat negara ini yang lahir pada masa Tanah Melayu Merdeka (tahun 1957) dan semasa pembentukan Malaysia (tahun 1963).

Manakala anak kepada kumpulan rakyat Malaysia ini (generasi pertama) pula boleh dirujuk sebagai generasi kedua. Sementara anak kepada generasi kedua ini tentulah boleh dikira sebagai generasi ketiga, dan begitulah selanjutnya.

Penggunaan kata panggilan generasi pertama dan generasi kedua merupakan perkataan yang lazim diguna pakai di dalam arus perdana. Walau bagaimanapun pengelasan generasi berdasarkan nombor dan keturunan adalah bersifat feodal.

Seperkara yang harus diberi penekanan di Malaysia adalah biarpun setiap generasi ini dinamakan dengan beraneka nama yang berbeza, sama ada dikenali sebagai 'generasi pasca DEB' atau 'generasi kedua' ataupun 'generasi Y', namun mereka sebenarnya disatukan dengan suatu ikatan 'teknologi maklumat' dan 'dunia tanpa sempadan' yang turut sama mengundang terhadap persoalan nilai yang menjadi pegangan.

5.0 PENDEKATAN SEJARAH DALAM PENGELASAN GENERASI

Kombinasi terhadap idea Kamaruddin M.Said dan kelaziman penggunaan istilah generasi pertama, kedua dan seterusnya, justeru makalah ini mengesyorkan agar pengelasan generasi di Malaysia adalah berdasarkan perkembangan sejarah sosial yang berlaku dalam negara ini melalui pendekatan peristiwa-tahun. Berikut merupakan bentuk pengelasan generasi yang dicadangkan berdasarkan peristiwa-tahun:

Rajah 1.0 Klasifikasi generasi Malaysia

Klasifikasi Generasi	Tahun lahir	Ciri-Ciri
Generasi Merdeka	Generasi yang lahir pada tahun 1946-1969 Tempoh masa 23 tahun	Golongan Dewasa dan Warga Emas Usia 48 tahun hingga 71 tahun Boleh juga dikategorikan dalam kelompok generasi pertama Mempunyai pengalaman dalam tempoh transisi zaman penjajahan dengan zaman pasca pembentukan Malaysia Bertanggungjawab mengisi pembangunan negara Memegang jawatan penting dan utama dalam pelbagai sektor dan bidang

Generasi DEB	Generasi yang lahir pada tahun 1970-1990 Tempoh masa 20 tahun	Golongan pertengahan Usia 27 tahun hingga 47 tahun Boleh juga dikategorikan dalam kelompok generasi kedua Kumpulan ini dikategorikan dalam kelompok tenaga kerja yang produktif dalam segenap bidang
Generasi Wawasan	Generasi yang lahir pada tahun 1991-2020 Tempoh masa 21 tahun	Golongan muda Usia di bawah 26 tahun Boleh juga dikategorikan dalam kelompok generasi ketiga Terdedah dengan kehidupan digital dan moden Menikmati hasil pembangunan negara

Rasional terhadap pendekatan peristiwa-tahun ini adalah bertujuan untuk mendedahkan khalayak terhadap elemen sejarah dan dalam masa yang sama bakal menyuntik semangat patriotisme kepada rakyat Malaysia.

1. Generasi Merdeka: Generasi yang lahir pada tahun 1946-1969

Keunikan sejarah Malaysia terzahir melalui dwi peristiwa penting terutama dalam pembentukan negara ini, iaitu melalui perjuangan kemerdekaan dan muafakat dalam pembentukan Malaysia.

Sepanjang tempoh 1946-1969 adalah suatu proses transisi ke arah berkerajaan sendiri. Apa yang pasti sejarah telah menukilkan pelbagai peristiwa pahit, getir dalam perjuangan menuntut kemerdekaan setelah 445 tahun berada dalam cengkaman penjajahan.

Pun begitu, sepanjang 23 tahun tempoh kelahiran sebuah negara pra dan pasca kemerdekaan sudah pasti di dalamnya banyak pengalaman dan keputusan yang diambil bagi menerajui tampok pemerintahan dan generasi merdeka inilah yang bertanggungjawab dalam mengisi pembangunan dan melakar matlamat negara untuk masa hadapan.

2. Generasi DEB: Generasi yang lahir pada tahun 1970-1990 (20 tahun)

DEB merupakan dasar revolusioner untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dalam masa yang sama dasar ini secara sengaja berjaya membangunkan psikik keyakinan bangsa untuk terus berkuasa di negaranya dan memimpin Malaysia ke arah kemajuan yang unggul (Zainal Kling 2008).

Generasi baru lahir dalam tempoh penggubalan DEB iaitu sepanjang tahun 1970 hingga tahun 1990. Dalam tempoh ini Malaysia bangkit daripada menjadi sebuah negara yang bersifat tradisi kepada sebuah negara yang maju membangun.

Sepanjang tempoh 20 tahun, banyak perubahan telah berjaya dilakukan khususnya dari sudut pembangunan sosial yang merangkumi politik, ekonomi, pendidikan, sains dan lain-lain. Tenaga kerja yang efektif lagi efisien dipraktikkan oleh kelompok generasi DEB dan lingkungan kehidupan mereka begitu terdedah terhadap persaingan yang tercetus di seluruh dunia.

3. Generasi Wawasan: Generasi yang lahir pada tahun 1991-2020 (21 tahun)

Era ini dunia telah berevolusi dengan begitu pantas, khususnya membabitkan perkembangan digital. Elemen globalisasi dan dunia tanpa sempadan melalui kemajuan teknologi dan maklumat yang melanda seluruh dunia turut melibatkan generasi wawasan yang lahir bermula tahun 1991.

Kumpulan generasi ini hidup dalam suasana serba moden dan menikmati hasil daripada pembangunan negara. Pemikiran kelompok ini begitu kritis, inovatif dan pola kehidupan yang banyak terdedah dengan nilai global.

6.0 KESIMPULAN

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa melalui pendekatan peristiwa-tahun ini merupakan generasi yang lahir dalam bingkai tempoh peristiwa yang menjadi kerangka kajian Sekiranya penetapan tahun 2017 sebagai tanda masa, maka usia generasi merdeka adalah sekitar 48 tahun hingga 71 tahun; usia ini adalah begitu matang dan berada dalam kemuncak kerjaya serta berada dalam posisi di atas, manakala generasi DEB pula dalam lingkungan usia 27 tahun hingga 47 tahun, di mana tempoh usia ini berada dalam kedudukan yang produktif. Bagi generasi wawasan pula rata-rata berada dalam sekitar usia 26 tahun ke bawah. Golongan inilah yang bakal mewarisi teraju kepimpinan negara. Pengelasan secara ini adalah begitu sesuai dan bertepatan dengan citra masyarakat dalam negara ini.

7.0 RUJUKAN

Don Tapscott. 1999. *Growing Up Digital: The Rise of the Net Generation*: McGraw-Hill.

Drucker, P.F. 1985. *Management: Tasks, Responsibilities, Practise*. New York: Prentice Hall Library.

Hairol Anuar. 2010. *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Patriotisme (Edisi Kedua)*. Bandar Seri Putra: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik KUIS.

Kamaruddin M.Said. 2012. Kesedaran Sejarah dan Transformasi Sosial di Malaysia.

Kertas Kerja Seminar Sejarah. Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia. Wisma Sejarah, 2011.

Kamus Dewan. 2005. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: DBP.

Mingguan Malaysia, 20 Januari 2013.

Zainal Kling. 2008. Gerakan Memperjuangkan Melayu. *Dewan Masyarakat* Jun 2008.